



KEMENTERIAN PEMBANGUNAN
USAHAWAN DAN KOPERASI

SIARAN MEDIA

BELANJAWAN 2026: SEKTOR PMKS DAN KOPERASI TERUS DIPERKASA, RM1.015 BILION UNTUK KUSKOP

PUTRAJAYA, 11 Oktober – Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi (KUSKOP) menyambut baik Belanjawan MADANI 2026 yang bertemakan **“Belanjawan Rakyat”**, sebuah belanjawan berteraskan usaha bersama dan manfaat untuk semua. Belanjawan ini mencerminkan tanggungjawab fiskal yang berhemat serta keprihatinan Kerajaan terhadap rakyat, dengan matlamat melindungi kesejahteraan rakyat daripada cabaran global sambil melabur untuk masa depan Malaysia yang mampan, berdaya tahan dan makmur.

Melalui pembentangan Belanjawan 2026 yang bersifat inklusif ini, hampir semua kategori usahawan merangkumi Perusahaan Mikro, Kecil dan Sederhana (PMKS), koperasi, perusahaan sosial, usahawan francais dan usahawan informal termasuk komuniti penjaja dan peniaga kecil akan menerima manfaat termasuk kumpulan fokus khas seperti usahawan bumiputera termasuk Sabah dan Sarawak, wanita, B40 dan anak muda.

Jumlah nilai keseluruhan **RM50 bilion** kemudahan pinjaman dan jaminan kerajaan kepada **Perusahaan Mikro, Kecil dan Sederhana (PMKS)** iaitu **lebih besar daripada Belanjawan 2025** menunjukkan komitmen besar Perdana Menteri dalam mengangkat PMKS menjadi sebahagian daripada peneraju ekonomi serantau. Ia selari dengan usaha bagi menyokong pelaksanaan tahun pertama Rancangan Malaysia Ketiga Belas (RMK-13) terutama bagi meningkatkan penskalaan PMKS merangkumi skala pertumbuhan dan daya saing PMKS serta memperkasakan sektor ketiga melibatkan gerakan koperasi, perusahaan sosial dan perniagaan inklusif.

Dalam konteks Kementerian, KUSKOP merakamkan penghargaan kepada YAB Perdana Menteri kerana menyediakan peruntukan tertinggi kepada Kementerian ini berbanding tahun-tahun sebelumnya. Ia melibatkan peruntukan sebanyak **RM1.015 bilion pada tahun 2026** berbanding **RM815.13 juta bagi tahun 2025** yang membawa kepada pertambahan peruntukan sebanyak **RM200.3 juta atau 24.6%**.

Secara umumnya, antara insentif yang dapat dimanfaatkan oleh usahawan PMKS dan koperasi menerusi KUSKOP dan agensi-agensi dibawahnya dalam Belanjawan 2026 ialah:

- i. RM20 juta disediakan untuk menambah tapak dan ruang niaga yang dilengkapi kemudahan asas kepada peniaga kecil Tamu Desa di Sabah dan Sarawak.
- ii. UDA Holdings Berhad menerajui pembangunan tanah wakaf di Pulau Pinang melalui Projek Taman Wakaf Seetee Aisah Fasa 2 dan Fasa 3 serta Taman Sultan Sallehuddin Fasa 1B dan 2B dengan nilai pelaburan hampir RM250 juta.
- iii. SME Bank menawarkan pembiayaan khusus kepada PMKS halal dengan dana berjumlah RM100 juta.
- iv. Lebih RM2.5 bilion pinjaman mikro disediakan di TEKUN Nasional dan juga BSN.
- v. Peruntukan kepada Suruhanjaya Koperasi Malaysia (SKM) sebanyak RM50 juta sebagai dana pembiayaan untuk menyokong perusahaan badan-badan koperasi seluruh negara.
- vi. Program Jaguh Serantau SME Bank menyediakan pinjaman RM200 juta kepada PKS Bumiputera untuk menembusi pasaran eksport.
- vii. Amanah Ikhtiar Malaysia (AIM) disediakan RM230 juta untuk terus menawarkan pembiayaan dan ini menjadikan dana AIM yang tersedia berjumlah RM2.9 bilion untuk manfaat lebih 300,000 sahabat usahawan.
- viii. Bank Rakyat, SME Bank (termasuk BSN dan MARA) menyediakan pembiayaan RM270 juta bagi menyokong usahawan PMKS wanita.

- ix. Program Tunas Usahawan Belia Bumiputera (TUBE) oleh SME Corp. Malaysia menyediakan RM12 juta untuk latihan dan bantuan perniagaan.
- x. Kaum India turut memanfaatkan program sosioekonomi di bawah MITRA, TEKUN dan AIM berjumlah RM220 juta.
- xi. Peruntukan sebanyak RM9 juta kepada PERNAS bagi menyokong pembangunan industri francais.

Bagi memastikan keberkesanan pelaksanaan program keusahawanan di bawah Belanjawan 2026 yang lebih efektif, pemantauan program akan diberi fokus khas melalui Mesyuarat Majlis Pembangunan Usahawan dan PMKS Kebangsaan (MPUPK) yang dipengerusikan oleh YAB Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Kemajuan Desa dan Wilayah.

Secara keseluruhannya, KUSKOP yakin Belanjawan 2026 ini akan dapat membangunkan sosioekonomi serta strategi pelaksanaan yang berkesan bagi membantu perkembangan usahawan dan koperasi. KUSKOP juga akan memberi sokongan sepenuhnya dalam melaksanakan program dan inisiatif yang telah digariskan di bawah Belanjawan 2026 ini memastikan sektor PMKS akan terus berkembang dan konsisten menjadi antara penyumbang utama kepada pembangunan ekonomi Malaysia.

KEMENTERIAN PEMBANGUNAN USAHAWAN DAN KOPERASI

11 Oktober 2025